

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG  
(LABIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.06.2014**

**YB Datuk Chua Tee Yong (Labis)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah GST akan dikenakan pada hartanah seperti SOHO, service apartment dan rumah yang dibina atas tanah komersial, serta apakah layanan GST untuk tempat letak kereta dan perabot yang diberi oleh pemaju perumahan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Layanan GST yang menetapkan bahawa rumah kediaman dikecualikan dari GST adalah berdasarkan kepada penggunaan dan bukan menurut status geran (title) tanah tersebut. Ini bermaksud, bangunan yang dibina bagi tujuan kediaman walaupun dibina di atas tanah komersial tetap akan dikecualikan dari GST.

Bagi peralatan dan kemudahan yang diberikan oleh pemaju bersama-sama dengan penjualan rumah, ianya dikecualikan dari GST tetapi tertakluk kepada item yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Jadual G dan Jadual Keempat Jadual H Housing Development (Control and Licencing) Act 1966. Ini bermaksud peralatan seperti tingkap, pintu,engkapan tandas, pemasangan elektrik dan pagar sahaja dikecualikan GST. Layanan yang sama juga diberikan kepada tempat letak kereta memandangkan ia adalah perkara asas dan sebahagian daripada rumah. Bagi perabot yang dipasang di rumah ianya akan dikenakan GST pada kadar 6%. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya tax planning di kalangan pemaju perumahan.